

**PERUNDINGAN KOLEKTIF KESATUAN
SEKERJA PERBANKAN SABAH (SBEU):
KAJIAN KES DI BANK BUMIPUTRA COMMERCE
(M) BERHAD DAN BANK HSBC (M) BERHAD.**

KEE.Y.SABARIAH BINTI KEE MOHD YUSSOF

PERPUSTAKAAN
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

**SEKOLAH SAINS SOSIAL
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH
2006**



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS @

JUDUL : PERUNDINGAN KOLEKTIF KESATUAN SEKERJA PERBANKAN SABAH : KAJIAN KES DI BANK BUMIPUTRA COMMERCE (M) BERHAD DAN BANK HSBC (M) BERHAD.

SESI PENGAJIAN : 2003-2006

Saya, **KEE.Y.SABARIAH BINTI KEE MOHD YUSSOF** mengaku membenarkan tesis Sarjana ini disimpan di Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:

1. Tesis ini adalah hak milik Universiti Malaysia Sabah
2. Perpustakaan Universiti Malaysia Sabah dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian saya
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan tesis ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi
4. TIDAK TERHAD

Disahkan oleh

(Penulis :KEE.Y.SABARIAH BINTI KEE MOHD YUSSOF)

 (TANDATANGAN PUSTAKAWA)

Alamat :

Sekolah Sains Sosial,
Universiti Malaysia Sabah,
Peti Surat 2073, 88999,
Kota Kinabalu, Sabah.

(Penyelia : Prof. Madya Dr Fadzilah Majid Cooke)

Tarikh : 18 Ogos 2006

Tarikh : 29.08.06

CATATAN : @ Tesis dimaksudkan sebagai tesis Ijazah Doktor Falsafah dan Sarjana secara penyelidikan atau disertasi bagi pengajian secara kursus dan penyelidikan, atau laporan Projek Sarjana Muda (LPSM)



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

"Saya mengakui bahawa tesis sarjana bertajuk Perundingan Kolektif Kesatuan Sekerja Perbankan Sabah : kajian kes di Bank Bumiputra Commerce (M) Berhad dan Bank HSBC (M) Berhad adalah hasil kerja saya sendiri kecuali nukilan-nukilan dan ringkasan yang tiap satunya telah saya jelaskan sumbernya".

leah

KEE.Y.SABARIAH BINTI KEE MOHD YUSOF
PS03-003-010



UMS
UNIVERSITI MALAYSIA SABAH

Penghargaan

Dengan Nama Allah Yang Maha Pemurah Lagi Maha Mengasihani. Syukur Ke Hadrat Ilahi kerana dengan izin Nya, maka tesis sarjana ini dapat disiapkan. Setingga penghargaan dan terima kasih yang tidak terhingga diucapkan kepada pihak UMS khususnya Yg. Bgh. Tan Sri Prof. Datuk Seri Panglima Dr. Abu Hassan Othman (1994 - April 2005) dan Prof. Datuk Dr. Mohd Noh Dalimin, Naib Canselor UMS yang memberi kepercayaan dan sudi menaja pengajian ini. Ucapan setingga terima kasih kepada penyelia (1) Prof. Madya Dr Fadzilah Majid Cooke dan penyelia (2) Puan Salmie Jemon di atas bimbingan dan tunjuk ajar sepanjang menyiapkan tesis ini. Segala ilmu, teguran dan bimbingan membina amat saya hargai.

Dekan Sekolah Sains Sosial, Prof. Madya Hasan Mat Nor dan Prof.Dr. Sabihah Osman (September 2000-November 2002), terima kasih atas sokongan yang diberikan. Terima kasih kepada Cik Jaliyah Md. Shah dan Encik Syahruddin Hj. Awg Ahmad di atas masa yang diluangkan untuk mencerahkan pandangan dan idea dalam penyelidikan ini. Penghargaan dan terima kasih kepada Encik Fazli, Encik Balakrishnan, Puan Dzurizah, Puan Irma Wani, Puan Sarlona dan Puan Salmiah di atas sokongan dan bantuan yang diberikan. Begitu juga kepada rakan-rakan seperjuangan, Jury, Ramlie, Rizal, Maini, Siti Afsah dan Shafie, terima kasih di atas bantuan anda semua.

Ucapan terima kasih kepada Ahli Jawatan Kuasa SBEU, Cik Margaret Chin, Puan Catherine Jikunan, Encik Johnson, Puan Judy dan Cik Brenda di atas kerjasama yang tidak terhingga dalam memberi maklumat yang diperlukan. Begitu juga dengan kesemua kakitangan di Bank Bumiputera Commerce dan HSBC Kota Kinabalu. Tanpa kerjasama anda semua, tesis ini sudah tentu tidak dapat mencapai matlamatnya. Akhir sekali penghargaan ini diberikan kepada semua pihak dan individu yang terlibat dalam membantu proses menyiapkan tesis ini. Juga terima kasih kepada ahli keluarga, orang yang disayangi dan sahabat karib kerana sentiasa memberikan dorongan semasa tesis ini dilaksanakan. Semoga tesis ini dapat memberi manfaat kepada pekerja-pekerja di sektor perbankan dan bidang ilmu hubungan industri pada hari ini.



ABSTRACT

COLLECTIVE BARGAINING ON SABAH BANKING EMPLOYEE'S UNION (SBEU): CASE STUDY AT BUMIPUTRA COMMERCE (M) BERHAD AND HONG KONG & SHANGHAI BANK CORPORATION MALAYSIA BERHAD (HSBC).

This study looks at collective bargaining that came into force between 2003-2005 for the Sabah Banking Employee Union (SBEU) and the Sabah Commercial Banks Association. This study involved two banks as case studies namely: Bank Bumiputra Commerce and Hong Kong & Shanghai Bank Corporation Malaysia Berhad (HSBC). It combined qualitative and quantitative methods where questionnaires were distributed among 70 respondents and interviews were conducted with 15 informants (5 AJK SBEU & 10 SBEU members). The findings indicates that economic issues (salaries, bonuses, allowances & pensions) as well as social once (working hours ,annual leave and rest days) have been identified as term and working conditions in collective bargaining. This research evaluates the issues that have been raised and prioritized by SBEU members. Research findings by correlation analysis prove that there is a significant relationship between collective bargaining and the terms and social conditions. This indicates that bank workers prioritize social issues over economic once. In addition the members of SBEU also put high priority on job security. This research found that the committee members of SBEU are facing the challenges in upholding the rights and interest of workers. This has created a win-lose situation between employer and employee in collective bargaining. Conflicts that exist between them were due to the different interests that they have. Finally this research also found that Flanders theory on collective bargaining is applicable in the Sabah banking sector.



ABSTRAK

Tesis ini mengkaji perundingan kolektif yang berkuat kuasa pada tahun 2003 hingga 2005 ke atas Kesatuan Sekerja Perbankan Sabah (SBEU) dan majikan (Sabah Commercial Banks Association). Kajian melibatkan dua buah bank sebagai kajian kes iaitu Bank Bumiputra Commerce dan Bank Hong Kong & Shanghai Bank Corporation Malaysia Berhad (HSBC) Kota Kinabalu. Kaedah gabungan iaitu kuantitatif dan kualitatif diaplikasikan di mana, seramai 70 responden terlibat dalam menjawab soal selidik dan 15 orang informan ditemubual (5 orang AJK SBEU & 10 ahli SBEU). Keseluruhan dapatan kajian telah menjawab objektif dalam penyelidikan ini, di mana isu ekonomi iaitu upah, bonus, elaun dan faedah persaraan serta isu sosial yang meliputi masa bekerja, hari rehat dan cuti tahunan telah dikenal pasti sebagai temar dan kondisi pekerjaan dalam perundingan kolektif. Kajian ini menilai isu manakah yang lebih diutamakan oleh ahli SBEU dalam pekerjaan mereka. Hasil kajian dan analisis korelasi menunjukkan terdapat hubungan yang kuat di antara perundingan kolektif dengan temar dan kondisi sosial. Ini menunjukkan pekerja-pekerja di sektor perbankan Sabah mengutamakan isu sosial berbanding dengan isu ekonomi. Selain daripada itu ahli-ahli SBEU turut mengutamakan jaminan dalam pekerjaan. Dapatan kajian menunjukkan AJK SBEU berhadapan dengan cabaran-cabaran dalam memperjuangkan hak dan kepentingan pekerja. Keadaan ini menimbulkan situasi kalah-menang di antara majikan dan pekerja dalam perundingan kolektif. Konflik wujud di antara mereka kerana masing-masing mempunyai hak dan kepentingan yang berbeza. Hasil kajian menunjukkan teori Flanders tentang perundingan kolektif dapat diaplikasi dalam kajian di sektor perbankan di Sabah.



Kandungan

Tajuk	i
Pengakuan	ii
Penghargaan	iii
Abstrak	iv
<i>Abstract</i>	v
Isi Kandungan	vi
Senarai Rajah	xi
Senarai Jadual	xii
Singkatan	xiv

BAB SATU**PENGENALAN**

1.1	Pendahuluan	1
1.2	Objektif Kajian	4
1.3	Permasalahan Kajian	4
1.4	Persoalan Kajian	5
1.5	Kepentingan Kajian	6
1.6	Skop Kajian	8
1.7	Hipotesis Kajian	10
1.8	Definisi Operasi	10

BAB DUA**KAJIAN LITERATUR**

2.1	Pengenalan	13
2.2	Konsep Perhubungan Perindustrian	13
2.3	Konsep Perundingan Kolektif	15
	2.3.1 Fungsi Perundingan Kolektif	17
	2.3.2 Skop Perundingan Kolektif	19
	2.3.3 Peringkat Perundingan Kolektif	22
2.4	Proses Perundingan Kolektif	24
	2.4.1 Pihak Yang Terlibat Dalam Perundingan Kolektif	28
2.5	Teori dan Perspektif Perundingan Kolektif	30
	2.5.1 Perdebatan Teori Flanders dan Teori Webbs	30
	2.5.2 Teori Tingkah Laku dalam Perundingan Buruh	31



	2.5.3 Teori Perundingan Conjunctive & Teori Cooperative	34
2.6	Konsep Kesatuan Sekerja	37
	2.6.1 Kesatuan Sekerja dari Perspektif Perundangan Buruh	40
	2.6.2 Faktor Penubuhan Kesatuan Sekerja	42
2.7	Kajian-kajian Lepas	46
	2.7.1 Kajian 1970-an : Terma dan Kondisi Pekerjaan Dalam Perundingan Kolektif	46
	2.7.2 Kajian 1980 hingga 1990: Faktor-faktor Yang Mempengaruhi Perundingan Kolektif	48
	2.7.3 Kajian Terkini: Tahun 2000	56
BAB TIGA	METODOLOGI KAJIAN	
3.1	Pengenalan	63
3.2	Reka bentuk Penyelidikan	63
3.3	Kaedah Penyelidikan	64
3.4	Teknik Persampelan	65
3.5	Teknik Pengumpulan Data	67
3.6	Instrumen Kajian	67
	3.6.1 Instrumen Kajian Dalam Kaedah Kuantitatif	67
	3.6.1.1 Borang Soal Selidik	67
	3.6.1.2 Tinjauan Awal Borang Soal Selidik	70
	3.6.1.3 Mengedar Borang Soal Selidik	72
	3.6.1.4 Masalah Yang Dihadapi Dalam Mengendalikan Borang Soal Selidik	72
	3.6.2 Instrumen Kajian Dalam Kaedah Kualitatif	73
	3.6.2.1 Temu Bual Bersemuka	73
	3.6.2.1.1 Temu Bual Ahli Jawatan Kuasa (AJK) SBEU	73
	3.6.2.1.2 Temu Bual Ahli Kesatuan Sekerja	74
3.7	Teknik Analisis Data	75

BAB EMPAT	KEANGGOTAAN DALAM KESATUAN SEKERJA BANK Sabah (SBEU)	
4.1	Pengenalan	79
4.2	Latar Belakang Responden	80
	4.2.1 Jantina Responden	80
	4.2.2 Status Perkahwinan Responden	81
	4.2.3 Pengalaman Bekerja dan Umur Responden	82
	4.2.4 Taraf Pendidikan Dan Jawatan Responden	84
4.3	Latar Belakang Kesatuan Sekerja Bank Sabah (SBEU)	85
4.4	Faktor-faktor Pekerja Menganggotai Kesatuan Sekerja Perbankan Sabah (SBEU)	88
	4.4.1 Kesatuan Sekerja Majikan Memberi Sokongan Kepada SBEU	89
	4.4.2 SBEU Dapat Memperjuangkan Isu Ekonomi Pekerja	92
	4.4.3 SBEU Mempunyai Matlamat dan Tujuan Yang Jelas	95
	4.4.4 SBEU Mengutamakan Kebajikan Pekerja	98
	4.4.5 Semangat Berpasukan dan Bersatu Padu	99
BAB LIMA	TERMA DAN KONDISI PEKERJAAN DI BANK BCB & HSBC	
5.1	Pengenalan	103
5.2	Pekerja dan Perundingan Kolektif Dalam Sektor Perbankan di Sabah	104
	5.2.1 Pemahaman Responden Terhadap Perundingan Kolektif	104
	5.2.2 Hubungan Majikan, Pekerja & Pertikaian Industri	107
	5.2.3 Kepentingan Perundingan Kolektif	113
5.3	Perundingan Kolektif : Terma dan Kondisi Ekonomi	117
	5.3.1 Upah	117

5.3.1.1 Permintaan Pekerja Terhadap Upah Dalam Perundingan Kolektif	118	
5.3.1.2 Pekerja Tidak Melibatkan Diri Dalam Menuntut Kenaikan Upah	120	
5.3.1.3 Isu Upah Sebagai Isu Utama Di Dalam Organisasi	121	
5.3.1.4 Isu Upah Dalam Perundingan Kolektif Di antara SBEU dan Majikan	123	
5.3.1.5 Penglibatan Pihak Ketiga Dalam Perundingan Tentang Upah	126	
5.3.2 Bonus	127	
5.3.3 Elaun	131	
5.3.3.1 Elaun Sabah	131	
5.3.3.2 Elaun Perjalanan	132	
5.3.3.3 Elaun Sara Diri	132	
5.3.3.4 Elaun Kerja Syif	133	
5.3.3.5 Elaun Makan	133	
5.3.3.6 Elaun Kesulitan	134	
5.3.4 Faedah Persaraan	136	
5.4 Perundingan Kolektif : Terma dan Kondisi Sosial	138	
5.4.1 Masa Bekerja	139	
5.4.2 Hari Rehat	148	
5.4.3 Cuti Tahunan	148	
BAB ENAM	HUBUNGAN DI ANTARA PERUNDINGAN KOLEKTIF DENGAN TERMA & KONDISI EKONOMI DAN SOSIAL : SATU PENILAIAN	
6.1	Pendahuluan	155
6.2	Perbandingan Di Antara Terma Dan Kondisi Ekonomi Dan Sosial Di Dalam Perundingan Kolektif Di Antara SBEU & Commercial Banks, Association	156
6.3	Kehendak Pekerja Di Dalam Tema Dan Kondisi Ekonomi	157
	6.3.1 Peningkatan Dalam Upah	157
	6.3.2 Peningkatan Caruman Majikan dalam KWSP pekerja	159

	6.3.3 Elaun Letak Kereta dan Elaun Juruwang dalam Perundingan Kolektif	161
	6.3.4 Cadangan Terhadap Bonus Pekerja	162
6.4	Kehendak Sosial Pekerja di dalam Perundingan Kolektif	163
	6.4.1 Keperluan Cuti Berbanding Upah	163
	6.4.2 Bekerja Lima Hari Seminggu	165
	6.4.3 Keutamaan Kepada Tugas Harian Berbanding Bayaran Kerja Lebih Masa	168
	6.4.4 Masalah Memohon Cuti Tahunan	168
6.5	Jaminan Pekerjaan	169
6.6	Kepimpinan Ahli Jawatan Kuasa SBEU	171
6.7	Cabaran-Cabaran Yang Dihadapi Oleh AJK SBEU Dalam Memperjuangkan Kepentingan Pekerja	175
	6.7.1 Kerjasama Ahli Kesatuan Sekerja Kepada Kepimpinan SBEU	175
	6.7.2 Pertentangan Pendapat Bersama Pihak Majikan Ketika Perundingan Kolektif	176
	6.7.3 Reaksi Ahli SBEU Terhadap Kepimpinan SBEU	176
	6.7.4 Masalah Kewangan Yang Dihadapi Oleh SBEU	178
	6.7.5 Implikasi Masalah NUBE Kepada SBEU	178
BAB TUJUH	PENUTUP	
7.1	Rumusan Kajian	180
7.2	Implikasi Kajian Dengan Teori Perundingan Kolektif	193
7.3	Implikasi Dapatan Kajian Kepada Kajian Lepas	197
7.4	Cadangan	202

Senarai Rajah

Rajah 3.1	Ruang Lingkup Kajian Dalam Perundingan Kolektif di antara SBEU dan Majikan	78
Rajah 4.1	Pengiktirafan Majikan Dan Undang-Undang	90
Rajah 4.2	Kesatuan Sekerja Majikan Memberikan Sokongan Padu Kepada SBEU	91
Rajah 4.3	SBEU Dapat Memperjuangkan Isu Ekonomi Seperti Upah, Bonus, Elaun Dan Faedah Persaraan	93
Rajah 4.4	SBEU Dapat Meningkatkan Taraf Hidup Pekerja, Perlindungan Daripada Diskriminasi Upah Dan Perlindungan Daripada Masalah Ekonomi Negara	94
Rajah 4.5	SBEU Mempunyai Objektif Dan Tujuan Yang Jelas	96
Rajah 4.6	AJK SBEU Cekap Dan Peka Terhadap Masalah Pekerja	98
Rajah 4.7	Semangat Berpasukan Dan Bersatu padu Dalam SBEU	100
Rajah 5.1	Perundingan Kolektif Menjaga Kebajikan Kewangan	117
Rajah 5.2	Peratus Taburan Responden Yang Meminta Kenaikan Upah Dalam Perundingan Kolektif	118
Rajah 5.3	Taburan Pandangan Responden Terhadap Isu Upah Yang Merupakan Isu Utama Dalam Perundingan Kolektif	122
Rajah 5.4	Taburan Jawapan Responden Tentang Kepuasan Hati Mereka Dengan Bonus Yang Diterima	128
Rajah 5.5	Taburan Jawapan Responden Berpuas Hati Dengan Elaun Yang Diperoleh Melalui Perjanjian Kolektif	134
Rajah 5.6	Adakah Anda Berpuas Hati Dengan Faedah Persaraan Anda	137
Rajah 5.7	Pekerja Berpuas Hati Dengan Cuti Tahunan Mereka	150
Rajah 6.1	Pekerja Sanggup Bekerja Melebihi Umur Persaraan	159
Rajah 6.2	Taburan Jawapan "Anda Lebih Mementingkan Cuti Daripada Kenaikan Upah"	164
Rajah 6.3	Taburan Jawapan Tentang Hari Rehat Pekerja-Pekerja Bank Perlu Di Tambah Dengan Menambahkan Masa Bekerja	166
Rajah 7.1	Implikasi Tawaran Majikan dan Keputusan SBEU Tentang Isu Upah dalam Perundingan Kolektif	192

Senarai Jadual

Jadual 3.1	Kekuatan Hubungan Pemboleh Ubah Berdasarkan Nilai r	76
Jadual 3.2	Kekuatan Hubungan Dengan Nilai KMO	77
Jadual 4.1	Taburan Jantina Mengikut Bank	80
Jadual 4.2	Taburan Status Perkahwinan Responden	81
Jadual 4.3	Taburan Pengalaman Bekerja Dan Umur Responden	82
Jadual 4.4	Taburan Taraf Pendidikan Dan Jawatan Responden	84
Jadual 4.5	Keputusan Ujian KMO Dan Ujian Bartlett's	88
Jadual 4.6	Faktor-Faktor Pekerja Menganggotai SBEU	89
Jadual 4.7	Taburan Jawapan Responden : SBEU Dapat Meningkatkan Upah Pekerja	93
Jadual 4.8	Taburan Jawapan Responden Tentang SBEU Mempunyai Kepimpinan Yang Baik Dalam Mencapai Matlamat Kesatuan Sekerja	97
Jadual 5.1	Taburan Kekerapan Persepsi Responden Mengenai Perundingan Kolektif	104
Jadual 5.2	Taburan Responden Yang Tidak Mengetahui & Tidak Mengetahui Hak-Hak Mereka Di Dalam Perjanjian Kolektif Mengikut Jantina	104
Jadual 5.3	Taburan Kekerapan Persepsi Responden Terhadap Hubungan Majikan Dan Pekerja	108
Jadual 5.4	Taburan Kekerapan Persepsi Responden Mengenai Kepentingan Perundingan Kolektif	113
Jadual 5.5	Peratus Jumlah Kenaikan Upah Yang Dikehendaki Responden	119
Jadual 5.6	Taburan Responden Sama Ada Pernah/Tidak Meminta Kenaikan Upah Dalam Perundingan Kolektif Mengikut Pengalaman Bekerja	120
Jadual 5.7	Elaun Sabah Berdasarkan Upah Pekerja	131
Jadual 5.8	Elaun Kerja Syif Mengikut Jawatan	133
Jadual 5.9	Taburan Jawapan Kepuasan Hati Pekerja Mengikut Jantina	137
Jadual 5.10	Pandangan Responden Terhadap Masa Bekerja	140
Jadual 5.11	Taburan Pekerja Yang Suka Bekerja Lebih Masa Mengikut Status Perkahwinan	141
Jadual 5.12	Taburan Persepsi Masa Bekerja Seharian Harus Di Pendekkan Mengikut Jantina	141
Jadual 5.13	Taburan Pekerja Yang Suka Masa Bekerja Fleksibel	143
Jadual 5.14	Tahun Perkhidmatan dan Jumlah Cuti Tahunan Mengikut Seksyen 104D(1)(a)(b)(c) Ordinan Buruh Sabah	149
Jadual 5.15	Jumlah Cuti Tahunan Mengikut Tahun Perkhidmatan Di Dalam Perjanjian Kolektif SBEU Dan Majikan	149



Jadual 5.16	Taburan Jumlah Responden Yang Berpuas Hati Dengan Cuti Tahunan Mengikut Pengalaman Bekerja	151
Jadual 5.17	Masalah Yang Dihadapi Oleh Pekerja Terhadap Cuti Tahunan	152
Jadual 6.1	Korelasi Di Antara Terma Dan Kondisi Ekonomi Dan Sosial Dengan Perundingan Kolektif Di Antara Sabah Commercial Banks' Association & Sabah Banking Employees' Union (SBEU) 2003 Hingga 2005	156
Jadual 6.2	Taburan Responden Yang Sanggup Bekerja Melebihi Umur Persaraan Mengikut Jantina	159
Jadual 6.3	Taburan Jawapan Responden Lebih Mementingkan Cuti Berbanding Kenaikan Upah Mengikut Status Perkahwinan	164



SINGKATAN

SBEU	: Kesatuan Sekerja Perbankan Sabah
BCB	: Bank Bumiputera Commerce
HSBC	: Hong Kong dan Shanghai Banking Corporation
US	: United Stated
UK	: United Kingdom
MTUC	: Kongres Kesatuan Sekerja Malaya
AJK	: Ahli Jawatan Kuasa
CB	: Collective Bargaining
CA	: Collective Agreement
PLWS	: Sistem Gaji Berasaskan Produktiviti
VSS	: Persaraan Secara Sukarela
NUBE	: Kesatuan Sekerja Bank Kebangsaan
IHP	: Indeks Harga Pengguna
IRC	: Inter Relation Committee
SPSS	: Statistical Packages For Social Science
KMO	: Kaiser Mayer Olkin



BAB 1

PENGENALAN

1.1 Pendahuluan

Kajian ini dijalankan ke atas pekerja-pekerja sektor perbankan yang dilindungi oleh kesatuan sekerja iaitu Sabah Banking Employees' Union (SBEU). SBEU merupakan kesatuan sekerja yang mewakili pekerja-pekerja bank di Sabah. Walau bagaimanapun tidak semua bank-bank di Sabah menjadi anggota SBEU. Kesatuan sekerja ini dianggotai seramai 1898 orang ahli yang berdaftar dan terdiri daripada tujuh belas buah bank di mana lima buah bank adalah bank antarabangsa dan dua belas merupakan bank tempatan (sila rujuk lampiran A).

Menurut laporan dalam *Sabah Banking Employee's Union Training Course* (2000), sejak tahun 1950-an idea tentang penubuhan kesatuan sekerja telah bermula di Sabah. Organisasi pertama yang ditubuhkan untuk mewakili pekerja dikenali sebagai Kesatuan Perkhidmatan Awam Utara Borneo (The North Borneo Service Union). Walau bagaimanapun fungsi organisasi terawal ini amat terhad kepada aktiviti-aktiviti sosial pekerja sahaja.

Pada tahun 1960 an, organisasi ini telah dibubarkan kerana gagal mencapai objektif dalam melindungi kebajikan pekerja. Pada masa yang sama berlaku eksplotasi dan diskriminasi pekerja, untuk mengatasi masalah ini maka satu lagi kesatuan ditubuhkan iaitu Kesatuan Pekerja-pekerja Perdagangan Utara Borneo (The North Borneo Commercial Employees' Union) yang dianggotai oleh pekerja-pekerja bank dan pekerja pembalakan.

Dalam laporan yang sama menyatakan bahawa pada tahun 1965, pekerja-pekerja Hong Kong and Shanghai Banking Corporation (HSBC) telah mengadakan mogok kerana perundingan antara pekerja dan majikan menemui jalan buntu. Ini



UMS
UNIVERSITI MAI AYSIA SARAH

merupakan mogok yang pertama berlaku di Sabah dan telah berlanjutan selama sepuluh hari. Berikutan daripada itu maka terbentuklah perjanjian kolektif pertama untuk pekerja-pekerja bank di Sabah. Peristiwa itu telah menjadi titik tolak permulaan sejarah pergerakan kesatuan sekerja di negeri Sabah.

Pada tahun 1965 juga, Ordinan Kesatuan Sekerja telah diperkenalkan di Sabah. Melalui peruntukan undang-undang ini, maka pekerja-pekerja bank bersetuju untuk menubuhkan Kesatuan Sekerja Bank Sabah (SBEU) pada 15 Jun 1967. Objektif utama penubuhannya ialah mempertahankan dan mempromosikan kepentingan-kepentingan kolektif ahli-ahli dan taraf kehidupan sosial dan ekonomi ahli kesatuan, memastikan keadaan tempat kerja yang selamat dan masa bekerja yang berpatutan, mewujudkan hubungan yang baik di antara majikan dan pekerja-pekerja dan memberi perlindungan kepada sistem perundangan yang mempengaruhi kepentingan ahli-ahli kesatuan.

Keseluruhannya awal tahun 1960-an, perhubungan industri dilihat sebagai tahap awal bermulanya kebangkitan kesatuan sekerja di Sabah (Dzurizah Ibrahim, 2000:374). Pada tempoh seawal itu pekerja-pekerja di Sabah telah menyedari betapa pentingnya mereka menubuhkan kesatuan sekerja. Kajian yang dibuat oleh Dzurizah Ibrahim (2000) menunjukkan bahawa kesatuan sekerja di Sabah telah mengalami peningkatan sejak empat dekad yang lalu. Bermula pada tahun 1960-an sebanyak 13 kesatuan sekerja didaftarkan, jumlah ini meningkat kepada 33 buah kesatuan sekerja pada tahun 1970-an. Walau bagaimanapun pada tahun 1980-an jumlah kesatuan sekerja merosot sedikit kepada 32 buah kesatuan. Namun pada tahun 1990-an jumlah kesatuan sekerja yang berdaftar meningkat secara drastik kepada 47 buah kesatuan sekerja. Walaupun mengalami peningkatan penubuhan kesatuan sekerja yang menggalakkan tetapi bilangan kesatuan sekerja di Sabah masih kurang kerana ada sesetengah organisasi swasta tidak mempunyai kesatuan sekerja.

Kajian yang sama menunjukkan di antara jumlah kesatuan sekerja di Malaysia yang berdaftar di bawah Akta Kesatuan Sekerja 1959 hingga Jun 1999,



Sabah mencatatkan jumlah kesatuan sekerja yang terendah iaitu sebanyak 48 kesatuan sekerja dengan jumlah ahli 25,583 orang. Semenanjung Malaysia mempunyai 421 kesatuan sekerja dengan ahli seramai 656,201 orang dan Sarawak sebanyak 69 kesatuan sekerja yang merangkumi 42,089 ahli.

Secara umumnya dapat digambarkan bahawa masih banyak lagi syarikat swasta di Sabah yang tidak menubuhkan kesatuan sekerja seperti syarikat insurans, syarikat pengawal keselamatan, agen-agen perjalanan dan syarikat penghantaran surat. Adakah mungkin terdapat halangan yang kuat daripada majikan yang tidak menyokong penubuhan kesatuan sekerja ataupun pekerja sendiri tidak mahu berusaha menentukan nasib mereka di tangan kesatuan sekerja ?

Memfokuskan kepada masalah kekurangan kesatuan sekerja di Sabah, kajian ini akan mengetengahkan isu perundingan kolektif antara majikan dan pekerja melalui kesatuan sekerja yang diiktiraf. Kajian ini amat penting untuk memberi kesedaran bahawa melalui kesatuan sekerja nasib para pekerja di Sabah dapat diperjuangkan. Isu perundingan kolektif diketengahkan untuk menarik minat pekerja dan majikan kerana ia merupakan peranan utama kesatuan sekerja.

Pandangan majikan terhadap kesatuan sekerja harus diubah kerana mereka bukanlah penentang atau golongan pendesak kepada majikan. Kesatuan sekerja akan membantu majikan bersama-sama mencapai matlamat organisasi. Perundingan kolektif akan membawa kepada perjanjian kolektif di antara majikan dan pekerja dan ia akan menjadi garis panduan dalam pekerjaan dan perundungan yang dapat melindungi kedua-dua belah pihak.

Perundingan kolektif akan memberi peluang kepada para pekerja mendapat terma dan kondisi pekerjaan yang lebih baik dengan persetujuan bersama-sama majikan. Majikan juga memperoleh impak yang positif, di antaranya mendapat kerjasama padu dari pekerja, peningkatan produktiviti dan operasi organisasi akan

berjalan dengan lancar. Pekerja akan lebih berpuas hati dan bermotivasi untuk bekerja kerana majikan mengambil berat akan kebajikan mereka.

1.2 Objektif Kajian

- i. Mengkaji terma dan kondisi pekerjaan ekonomi dan sosial yang terkandung dalam perundingan kolektif di dalam sektor perbankan di Sabah.
- ii. Meneliti isu mana yang lebih dipentingkan oleh pekerja-pekerja dalam sektor berkenaan.
- iii. Mengenal pasti cabaran-cabaran yang dihadapi oleh ahli jawatan kuasa (AJK) kesatuan sekerja dalam memperjuangkan hak-hak berkaitan isu ekonomi dan isu sosial pekerja dalam perundingan kolektif.

1.3 Permasalahan Kajian

Dalam dunia pekerjaan umumnya di Malaysia, upah pekerja yakni isu ekonomi menjadi keutamaan para pekerja malah isu sosial seperti cuti dan hari rehat kurang ditumpukan. Ia dapat dibuktikan dengan beberapa kajian lepas antaranya oleh Ahmad Atory Hussain (2001:152) yang menyatakan peristiwa pemogokan pertama berlaku pada tahun 1955 apabila pekerja menuntut pihak syarikat perlombongan menaikkan upah. Ramasamy (1994) menjalankan kajian ke atas sektor perladangan di Malaysia dan mendapati sejak tahun 1949 lagi ahli Kesatuan Sekerja Ladang Kebangsaan (NUPW) telah mengadakan mogok kerana tidak puas hati dengan upah yang diterima. Selvakumaran (1994:281) menyatakan sehingga tahun 1989 perundingan tentang upah masih belum selesai di antara NUPW dan majikan sehingga menyebabkan mogok yang melibatkan 65000 ahli kesatuan pada Februari 1990. Siti Rohani Yahaya (2002 : 123) turut menjalankan kajian di sektor perladangan dan mendapati sungguhpun pendapatan pekerja dilindungi di dalam perjanjian kolektif tetapi ia juga tertakluk kepada harga getah. Pekerja-pekerja ladang



tetap menerima upah yang sedikit dan taraf hidup masih di tahap rendah. Memandangkan kepada senario ini, para pekerja terus berusaha menuntut upah yang lebih baik dari majikan.

Ada kemungkinan isu upah di Malaysia masih belum mencapai jalan penyelesaiannya sehingga pekerja-pekerja tidak dapat mengalihkan perhatian mereka kepada isu sosial. Tambahan pula pekerja-pekerja masih tidak berpuas hati ke atas upah yang mereka terima seperti yang berlaku di sektor perladangan. Pekerja-pekerja terus menuntut kenaikan upah dari masa ke semasa sehingga mereka mengabaikan aspek sosial di dalam perundingan kolektif.

Sementara itu negara kita tertinggal jauh di belakang dalam membincangkan isu-isu sosial seperti di negara barat yang mula merundingkan tentang masa bekerja fleksibel dan penggunaan konsep telekerja¹. Kajian yang dijalankan oleh *Labour Project For Working Families* dan *AFL-CIO Working Women Department* (1992) mencadangkan agar kesatuan sekerja membincangkan alternatif jadual kerja di dalam perundingan kolektif. Antara isu yang diketengahkan ialah masa bekerja yang fleksibel dan penggunaan konsep telekerja dalam pekerjaan. Jika dilihat isu-isu sosial sebegini sangat sesuai dalam era globalisasi pada masa kini. Oleh yang demikian terma dan kondisi sosial juga perlu diambil berat dalam pekerjaan dan diberikan perhatian di dalam perundingan kolektif.

1.4 Persoalan Kajian

Dalam perundingan kolektif isu ekonomi seperti upah, bonus, elaun dan faedah kewangan masih lagi menjadi keutamaan pekerja berbanding isu sosial seperti masa bekerja dan hari rehat. Percanggahan pendapat juga berlaku di antara sarjana terawal iaitu Webbs dan Flanders, di mana Webbs menegaskan bahawa perundingan kolektif adalah institusi ekonomi manakala Flanders pula menyatakan

¹ Telekerja adalah salah satu bentuk kerja yang popular di mana komputer peribadi dan internet akan digunakan secara meluas di rumah atau di mana jua (Sandhu et.al 1999, dipetik dalam Balakrishnan , 2003 : 113).

perundingan kolektif adalah institusi politik yang melibatkan kuasa majikan dan pekerja (Jackson,1992:35).

Perdebatan ini dan keutamaan pekerja terhadap isu ekonomi berbanding isu sosial menarik minat pengkaji melihat sejauh mana isu ekonomi menjadi keutamaan di dalam perundingan kolektif di antara *Sabah Banking Employees' Union* (SBEU) dan majikan (*Sabah Commercial Banks Association*).

